

BAB 3

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN AIDS

Pencegahan bermaksud cara-cara yang diambil untuk menjaga individu dan masyarakat dari musibah penyakit¹. Di dalam bab yang ketiga ini, penulis akan membincangkan beberapa langkah pencegahan dan pengawalan penyakit AIDS sama ada ia merupakan cadangan penulis mahupun langkah tersebut telah dilaksanakan. Langkah-langkah tersebut termasuklah aplikasi kaedah syarak, pendidikan, penguatkuasaan undang-undang, perubatan serta peranan pemerintah dan ulama.

3.1- APLIKASI KAEDAH SYARAK

Islam mensyariatkan umatnya agar sentiasa menjaga kesihatan dan menjauhkan diri daripada penyakit jasmani, emosi (jiwa) dan sosial sebagaimana yang berlaku pada masyarakat jahiliah sebelum Islam seperti ketagihan arak dan zina. Langkah ini akhirnya telah membawa kepada suasana harmoni dan berjaya melahirkan masyarakat yang bebas dari segala penyakit. Islam juga merupakan satu-satunya agama yang mampu menyelesaikan apa jua permasalahan yang timbul hari ini ekoran keberkesannya dalam langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan. Ini adalah kerana syariat Islam mejadikan pengertian kesihatan merupakan satu ibadah, contohnya Islam bukan sahaja menyeru umatnya agar menjaga kebersihan bahkan menjadikan kebersihan sebagai syarat sah kepada kebanyakan ibadat seperti solat dan tawaf.²

Prinsip-prinsip serta kaedah syarak seperti *Uṣūl al-Fiqh*, *Qawā'id Fiqhiyyah* dan *Siyāsah Syar'iyah* merupakan istinbat para ulama daripada al-Quran dan al-

¹ Ahmad Muhammad Kan'an (Dr) (2000), *al-Mawsū'ah al-Ṭibbiyyah al-Fiqhiyyah*. Beirut:Dār al-Nafāis, hlm 941.

² *Ibid*, hlm 942-943.

Sunnah yang amat wajar dipraktikkan oleh individu, masyarakat dan pihak kerajaan sebagai salah satu langkah pencegahan utama dalam menangani permasalahan AIDS. Antaranya ialah kaedah, “Menolak kemudaratan didahulukan dari mencapai manfaat” (دَفْعُ الضَّرَرِ مُقَدَّمٌ عَلَى حَلْبِ الْمُنْفَعَةِ).³ Berdasarkan kaedah ini, Islam telah mengharamkan semua perkara maksiat dan kotor (خبائث) yang memberi kemudaratan kepada anggota badan, nyawa dan akal fikiran seperti zina, liwat dan minum arak.⁴ Di samping itu, syariat Islam telah meletakkan hukum khas untuk menghadapi wabak penyakit seperti mengasingkan pesakit dari orang ramai dan kuarantin untuk menjaga individu dan masyarakat dari bahaya penyakit berjangkit.⁵

Secara umumnya, kaedah-kaedah syarak boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

1-Kaedah *Uṣūl al-Fiqh*

1.1- سَدُّ الذَّرَائِعِ

"سَدُّ الذَّرَائِعِ" membawa maksud menutup sebarang pintu kerosakan. Dengan kata lain, menghilangkan perkara-perkara yang membawa kepada kemudaratan dengan menegah dan menolak perkara tersebut.⁶

Islam amat menitikberatkan langkah-langkah pencegahan dalam membendung penyakit sosial khususnya penyakit AIDS. Seperti yang kita sedia maklum, seks rambang dan penyalahgunaan dadah merupakan antara punca utama penularan penyakit AIDS dalam masyarakat. Justeru, kaedah سَدُّ الذَّرَائِعِ merupakan satu kaedah

³ Abd al-‘Azīz Muḥammad ‘Azām (Dr) (2001), *al-Maqāṣid al-Syar‘iyyah fī al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*. Qāhirah: Dār al-Bayān, hlm 152.

⁴ Ahmad Muhammad Kan’an (Dr) (2000), *op.cit.*, hlm 944.

⁵ *Ibid*

⁶ Mahmūd Ṣālih Jābir (Dr) (1994), *Saddu Dharā’i’ al-Zinā*. ‘Omān: Dār al-Nafā’is, hlm 19.

pengecahan paling berkesan dalam menangani masalah ini dengan meletakkan dosa dan pahala di dalam setiap perbuatan manusia. Islam mengharamkan zina kerana ia merupakan satu dosa besar. Oleh itu, segala perbuatan yang membawa kepada zina seperti pergaulan bebas, berdua-duaan di tempat sunyi, berhias dan menzahirkan perhiasan merupakan perbuatan yang haram dan ditegah dalam Islam.

Terdapat banyak firman Allah di dalam al-Quran yang telah mengaplikasikan kaedah ini sebagai salah satu langkah pencegahan dalam menangani penyakit AIDS.

Antaranya ialah firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

“Dan janganlah kamu mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. dan suatu jalan yang buruk.”

al-Isrā’ (15): 32

Berdasarkan ayat ini, jelas menunjukkan Allah SWT menutup semua jalan yang boleh membawa kepada perzinaan. Ini dapat dilihat daripada penggunaan lafaz " وَلَا تَقْرُبُوا " yang bermaksud “ janganlah kamu mendekati zina”. Dengan kata lain, kita bukan sahaja diharamkan berzina bahkan dilarang melakukan semua perkara yang boleh membawa kita kepada perbuatan zina itu sendiri.⁷

Lantaran dari itu, Islam telah memerintahkan agar umatnya sentiasa menjaga pandangan dan kemaluan sepertimana firman Allah SWT:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۚ ذَلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٢٤﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُنْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ... ﴿٣١﴾

⁷ Ibid, hlm 32.

“Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang mereka perbuat". Dan katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya.....”

al- Nūr (18):30-31

Islam juga mengharamkan wanita berhias dan menzahirkan perhiasan kerana ia boleh membuka jalan-jalan kepada perbuatan zina. Ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Aḥzāb dan surah al-Nūr. Firman Allah SWT:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ ﴿٣٣﴾

“Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliah yang dahulu...”

al-Aḥzāb (22):33

Manakala firman Allah SWT dalam surah al-Nūr:

وَلَا يُدِينَنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُدِينَنَّ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّبِيعِينَ غَيْرِ أُولَىٰ الْأَرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْوَالِدِ الْأَخْلَافِ ۗ لَمْ يُظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۖ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۗ مِنَ زِينَتِهِنَّ ۗ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ حَمِيمًا ۗ أَيْهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٤﴾

“janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang

belum mengerti tentang aurat wanita dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”

al-Nūr (18):31

Pengharaman mengenai pergaulan antara lelaki dan perempuan yang boleh menyumbang kepada gejala zina turut dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ
وَقُلُوبِهِنَّ ﴿٥٣﴾

“apabila kamu meminta sesuatu (keperluan) kepada mereka (isteri- isteri Nabi), maka mintalah dari belakang tabir. Cara yang demikian itu lebih suci bagi hatimu dan hati mereka.....”.

al-Aḥzāb (22): 53

Selain itu, Islam turut mengharamkan penyalahgunaan dadah yang boleh merosakkan akal fikiran manusia dan mendatangkan mudarat yang lebih besar berdasarkan pengharaman arak dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya minuman keras, berjudi,(berkorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu beruntung.

al-Mā'idah(7):90

Oleh itu, berdasarkan kaedah سَدُّ الدَّرَائِعِ, segala perbuatan yang boleh membawa kepada penyalahgunaan dadah adalah haram seperti penanaman, penghasilan dan penjualan dadah.

Merujuk kepada kaedah ini juga, jelas membuktikan bahawa syariat Islam bukan sahaja merawat kemudaratan yang berlaku bahkan sentiasa mengambil langkah berhati-hati dengan mencegah semua perkara yang boleh membawa kemudaratan di peringkat akar umbinya lagi.⁸

2- *Qawā'id Fiqhiyyah*

2.1- مَقَاصِدُ الشَّرِيعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ

“ مَقَاصِدُ الشَّرِيعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ ” bermaksud *maṣlahah-maṣlahah* yang diperlukan oleh manusia dalam hidup ini, sama ada yang berbentuk agama atau keduniaan. Sekiranya tidak ada *maṣlahah-maṣlahah* tersebut, maka akan pincanglah kehidupan manusia di dunia ini dan menderita hidupnya di akhirat.⁹ *Maṣlahah* tersebut ialah *maṣlahah* memelihara agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Dalam memelihara keturunan, syariat Islam menyuruh umatnya berkahwin dan mengharamkan mereka daripada melakukan zina.¹⁰ Ini kerana perkahwinan merupakan satu nikmat daripada Allah kepada umatnya. Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً
وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ ۚ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ اللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ ﴿٧٢﴾

“Allah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri dan menjadikan bagimu dari isteri-isteri kamu itu, anak-anak dan cucu-cucu, dan memberimu rezeki dari yang baik-baik. Maka mengapakah mereka beriman kepada yang batil dan mengingkari nikmat Allah ?”

al-Naḥl (14): 72

⁸ *Ibid*, hlm 20.

⁹ Abd al- Karīm Zaydān (1996), *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hlm 379.

¹⁰ *Ibid*, hlm 380.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Islam menyeru umatnya agar memudahkan urusan perkahwinan, khususnya bagi golongan muda untuk mengelakkan mereka terjerumus ke lembah maksiat yang menjadi punca berleluasanya wabak AIDS hari ini.¹¹ Di samping itu, untuk membina sebuah rumah tangga yang bahagia, Islam amat menekankan konsep keadilan sosial. Elemen seperti kasih sayang, bantu-membantu dan silaturrahim tidak akan wujud jika seseorang itu mengetahui pasangannya menghidap AIDS selepas berkahwin. Bahkan, pelbagai prasangka buruk akan timbul dan seterusnya akan menyebabkan berlakunya pergaduhan.¹² Justeru itu, pencegahan awal amat diperlukan. Bakal-bakal pengantin mesti menjalani ujian HIV sebelum berkahwin bagi mengelakkan jangkitan HIV kepada pasangan dan zuriat yang akan dilahirkan kelak. Ini bersesuaian dengan kaedah "مَا لَا يَنْمُ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ" yang bermaksud "Sesuatu yang menyebabkan tidak sempurna kewajipan kecuali dengan sesuatu perkara, maka perkara itu menjadi wajib."¹³

Dari aspek penjagaan akal manusia pula, syariat Islam mengharamkan apa jua perbuatan yang boleh merosakkan akal manusia dan mengenakan hukuman kepada mereka yang melakukannya seperti mana pengharaman arak di dalam al-Quran kerana ia boleh memabukkan seseorang.¹⁴

Firman Allah SWT:

يَسْئَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا
 أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ۚ وَيَسْئَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ ۖ قُلِ الْعَفْوَ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ

الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١٩﴾

¹¹ Islamonline, <http://islamonline.net/Arabic/Daawa/2005/12/article03.shtml>, 20 Disember 2008.

¹² Azman Ab Rahman et.al, (2007), 'Pelaksanaan Ujian HIV bagi Bakal Pengantin: Dari Perspektif Syariah dan Undang-undang'. N.Sembilan: Universiti Islam Malaysia, hlm 46-48.

¹³ Alī al-Nadawī (1998), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c. 4. Damsyiq: Dār al-Qalam, hlm 106 ; Muḥammad Sulaymān 'Abd Allāh al-Asyqar (2001), *al-Wāḍiḥ fī Uṣūl al-Fiqh lil Mubtadi'īn*. Qāhirah : Dār al-Salām, hlm 39.

¹⁴ Abd al-Karīm Zaydān (1996), *op.cit.*, hlm.380.

“ Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya". Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: " yang lebih dari keperluan." Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu supaya kamu berfikir.”

al-Baqarah (2):219

2.2- Kaedah “ ذَرُّهُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَىٰ مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ ”

Kaedah ini membawa maksud ‘menolak segala yang membawa kerosakan lebih utama daripada mendapatkan kebaikan’. Sabda Nabi Muhammad SAW:

إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَادْعُوهُ

“Apabila aku perintahkan kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu kerjakannya seberapa yang kamu mampu dan apabila aku larang kamu dari sesuatu perkara, maka hendaklah kamu menjauhinya”¹⁵

Berdasarkan kaedah ini, jika sesuatu perkara mempunyai dua unsur serentak iaitu yang buruk dan baik, maka menghindari keburukan adalah menjadi keutamaan menurut syarak. Oleh sebab itulah, Islam lebih memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang dilarang berbanding perkara-perkara yang disuruh.¹⁶ Kaedah ini telah diguna pakai oleh para ulama dalam usaha mengelakkan jangkitan HIV kepada pasangan yang berkahwin untuk menggunakan kondom sekiranya salah seorang dari pasangan menghidap AIDS. Manakala para ulama berselisih pendapat mengenai penggunaan kondom di antara pasangan yang belum berkahwin kerana ia seolah-olah menggalakkan aktiviti zina yang jelas diharamkan dalam Islam.¹⁷

¹⁵ Muḥy al-Dīn al-Nawawī (1999), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Hajj, Bāb Farḍu al-Hajj Marratan Fī al-‘Umri, no. hadis 2380, j. 9, c. 6. Beirut : Dār al-Ma‘rifah, hlm 105.

¹⁶ Syeikh Aḥmad b Syeikh Muḥammad al-Zarqā (2001), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c.6. Damsyiq:Dār al-Qalam, hlm 205; Mohd Saleh Hj. Ahmad (2002), *Uṣūl al-Fiqh* dan Hj.Hassan b Hj.Ahmad, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur:Pustaka Hj.Abd Majid, hlm 619.

¹⁷ Islamonline, <http://islamonline.net/Arabic/Daawa/2005/12/article03.shtml>, op.cit.

2.3- Kaedah “الضَّرَرُ يُزَالُ”

“الضَّرَرُ يُزَالُ” bermaksud ‘wajib menghilangkan kemudaratan’. Asas kepada

kaedah ini ialah berdasarkan hadis Nabi SAW:¹⁸

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

“Tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan.”

Berdasarkan kaedah ini, jelas menunjukkan syariat Islam tidak membenarkan seseorang itu melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada dirinya sendiri dan orang lain dalam semua aspek kehidupan manusia merangkumi aspek politik, sosial, muamalat dan sebagainya. Firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“..... dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

al-Baqarah(2):195

Selain itu, penyakit AIDS boleh dijadikan sebagai alasan bagi pasangan suami isteri untuk menuntut perceraian atau fasakh jika salah satu pasangan menghidap AIDS berdasarkan kaedah ini.¹⁹ Selain itu, pesakit AIDS perlu mengambil apa jua langkah untuk menjaga kehidupan dan kesihatan orang awam daripada dijangkiti AIDS.²⁰

¹⁸ Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī (2000), *Sunan Ibnu Mājah*, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Man Bana Fī Ḥaqqihī Mā Yaḍurru Bi Jārihi, no. hadis 2340.j.3. Beirut : Dār al-Ma’rifah, hlm 106.

¹⁹ Mohd Saleh Hj. Ahmad (1999), *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur:Pustaka Hj.Abd Majid, hlm 225.

²⁰ Islamonline, <http://islamonline.net/Arabic/Daawa/2005/12/article03.shtml> , *op.cit.*

2.4- Kaedah “الضَّرُّ لَا يُزَالُ بِالضَّرِّ”

Kaedah ini membawa maksud “sesuatu kemudaratan itu tidak boleh dihilangkan dengan mendatangkan kemudaratan kepada yang lain”. Islam menganjurkan agar umatnya tidak mengamalkan diskriminasi dan menyisihkan pesakit AIDS dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, berdasarkan kaedah ini, pegawai perubatan khususnya diingatkan agar sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam mengurus pesakit AIDS agar penyakit itu tidak menular kepada pesakit yang lain. Contohnya, jangkitan AIDS melalui pemindahan darah disebabkan kecuaiannya pegawai perubatan.²¹

3-Kaedah *Siyāsah Syar‘iyyah*

Kaedah *siyāsah syar‘iyyah* merujuk kepada keputusan dan dasar-dasar polisi yang diambil oleh pemerintah dan ahli perundangan dalam hal-hal yang tidak ada dinyatakan undang-undang khusus mengenainya dalam syariah. Dalam pengertian yang lebih luas, *siyāsah syar‘iyyah* menuntut untuk melindungi 5 keperluan asas iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Oleh yang demikian, berdasarkan kaedah ini, pihak pemerintah berhak mengambil apa jua langkah-langkah pencegahan yang berkesan untuk menjadikan kempen anti AIDS lebih efektif.²²

Kesimpulannya, jelas kepada kita bahawa syariat Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW dengan kaedah-kaedah dan prinsipnya yang lengkap dapat menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia mahupun di akhirat.

²¹H.Amidhan (Dr) et.al, (1997), ‘Keputusan Komisi (A) Tuntutan Syariat Islam dalam Bersikap, Bergaul dan Merawat Penderita HIV/AIDS di Indonesia’, (Hasil Muzakarah Nasional Ulama’ tentang Penanggulangan HIV/AIDS di Jakarta, 22-25 Jun 1997), hlm 3.

²² Mohammad Hashim Kamali (1995), ‘Protection against disease: A shari`ah perspective on Aids, *IIUM Law Journal*, vol.5, No 1 /2 1995, hlm 14-15.

3.2- PENDIDIKAN

Penyakit AIDS akan terus mengancam nyawa manusia jika masalah ini tidak diatasi dari akar umbinya lagi. Pendidikan merupakan salah satu cara paling berkesan untuk mencegah penyakit ini dari terus berleluasa. Islam amat menitikberatkan soal pendidikan khususnya pendidikan anak-anak agar dapat melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Menurut Sayyid Sābiq, tarbiah merupakan satu usaha membentuk diri seseorang dari segi jasmani, ‘*aqli*, rohani, emosi dan sosial hingga menjadi anggota masyarakat yang berguna.²³ Proses pentarbiyahan bermula semenjak kanak-kanak itu dilahirkan dan berlanjutan hingga akhir hayat.²⁴ Justeru itu, menjadi kewajipan ke atas setiap ibu bapa mendidik anak-anak sejak kecil dengan pendidikan Islam yang sempurna kerana ia meletakkan iman sebagai syaratnya yang utama. Kelebihan inilah yang menjadikannya sangat istimewa dalam aspek penekanan akhlak, cara dan matlamat kerana pendidikan ini datang daripada Allah dan ia diwujudkan hasil daripada akidah yang mantap.²⁵ Firman Allah SWT:

..... يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

“ Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka...”

al-Taḥrīm (28): 6

Menurut Dr. ‘Abd Allah Nāṣih al-‘Ulwān dalam kitabnya ‘*Tarbiyat al-Awlād fi al-Islām*’, pendidikan anak-anak merangkumi pendidikan iman, pendidikan akhlak, pendidikan jasmani, pendidikan mental, pendidikan diri, pendidikan kemasyarakatan

²³ Zahazan Mohamed (2006), *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, hlm 5.

²⁴ *Ibid*, hlm 7.

²⁵ *Ibid*, hlm 76-77, ‘Abd Allāh Nāṣih al-‘Ulwān (Dr) (1997), *Tarbiyat al-Awlād fi al-Islām* , j.1, c. 31. al-Azhār: Dār al-Salām, hlm 113-116.

dan pendidikan seks.²⁶ Pendidikan iman bermula dari pemilihan pasangan yang beriman supaya anak-anak mewarisi ciri-ciri ini. Sabda Nabi Muhammad SAW:²⁷

فَاظْفِرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَاكَ

“Pilihlah isteri yang beragama supaya kamu selamat”

Keimanan dan ketaqwaan yang tinggi kepada Allah SWT merupakan benteng paling kuat yang dapat menyelamatkan manusia daripada terjebak dengan penyakit AIDS ini. Pendidikan iman juga berkait rapat dengan pendidikan akhlak anak-anak. Tanpa iman kepada Allah, tidak terhasillah pembaharuan dan tidak terbentuklah akhlak seseorang.²⁸

Di samping itu, Islam turut menitik beratkan pendidikan jasmani seseorang agar dapat melahirkan umat Islam yang sihat dan kuat.²⁹ Sabda Nabi Muhammad SAW:³⁰

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

“Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai Allah daripada mukmin yang lemah”.

Oleh yang demikian, Islam menganjurkan ibu bapa agar mendidik anak-anak dengan pendidikan kesihatan dan sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dari dijangkiti sebarang penyakit. Contohnya melalui pengambilan makanan yang seimbang, amalan menjaga kebersihan dan galakan bersukan.³¹ Apa jua perbuatan yang boleh memudaratkan kesihatan seseorang diharamkan dalam Islam seperti merokok, penyalahgunaan dadah, minum arak, berzina dan lain-lain lagi.³²

²⁶ *Ibid*, hlm.116

²⁷ Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī (1997), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Akiffa’u fī al-Dīn, no. hadis 5090. j. 9. Riyād: Maktabah Dār al-Salām, hlm 165.

²⁸ ‘Abd Allah Nāṣih al-‘Ulwān (Dr) (1997), *op.cit.*, hlm 145.

²⁹ Zahazan Mohamed (2006), *op.cit.*, hlm 50

³⁰ Muḥy al-Dīn al- Nawawī; (1999), *op.cit.*, Kitāb al-Qadr, Bāb fi al-Amri bil Quwwati wa Tarki al-‘Ajzi wa al-Isti‘ānati Billah wa Tafwīdī, no. hadis 6716. j.16. , hlm 431.

³¹ Zahazan Mohamed (2006), *op.cit.*, hlm 54; ‘Abd Allah Nāṣih al-‘Ulwān (Dr) (1997), *op.cit.*, hlm 162-265.

³² *Ibid*, hlm 161-191.

Firman Allah SWT:

..... وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ.....

“Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan...”

al-A'rāf (9):157

Selain itu, Islam turut menganjurkan agar ibu bapa mendidik anak-anak dengan pendidikan seks sejak kecil lagi. Contohnya melalui pengasingan tempat tidur antara anak-anak lelaki dan perempuan selepas umur 7 tahun. Anak-anak juga perlu dilatih untuk meminta izin sebelum masuk ke bilik ibu bapa.³³

Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَأْذِنَكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ
مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ۖ مِّن قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِّنَ الظُّهْرِ
وَمِن بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ۚ ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ لَّكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ

بَعْدَهُنَّ... ۚ

“ Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki, dan orang-orang yang belum baligh di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) iaitu: sebelum sembahyang subuh, ketika kamu menanggalkan pakaian (luar)mu di tengah hari dan sesudah sembahyang Isyak. (Itulah) tiga aurat bagi kamu. Tidak ada dosa atasmu dan tidak (pula) atas mereka selain dari (tiga waktu) itu.

al-Nūr (18):58

Ibu bapa juga wajib mengajar anak-anak mereka batasan-batasan aurat dengan ajnabi untuk mengelakkan timbulnya nafsu syahwat yang boleh membawa kepada gejala zina dan liwat.³⁴

³³ Zahazan Mohamed (2006), *op.cit.*, hlm 61-62.

³⁴ *Ibid*, hlm 63.

Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۗ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّبِيعِينَ غَيْرِ أُولَىٰ الْأَرْبَابَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الْوَالِدِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۗ مِن زِينَتِهِنَّ ۗ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

“Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak- budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.

al-Nūr (18):31

Ini jelas membuktikan bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang dapat mengatasi masalah sosial muda mudi hari ini dari akar umbinya lagi.

Sejajar dengan itu, Islam turut menggesa umatnya supaya berusaha mencari ilmu pengetahuan sepertimana sabda Nabi Muhammad SAW:³⁵

³⁵Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī (2000), *op.cit.*, Kitāb al-Sunnah, Bāb Faḍlu al-‘ulamā’ wa al- Ḥuththu ‘ala Talabi al-‘Ilmi, no. hadis 224. j. 1, hlm 146.

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

“Menuntut ilmu itu wajib bagi orang Islam”

Justeru itu, masyarakat perlu diberi pendedahan dan maklumat mengenai penyakit AIDS agar usaha membanteras penyakit ini dapat dicapai. Kurangnya pengetahuan mengenai penyakit AIDS ini akan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat khususnya mengenai cara penyebaran penyakit ini, seterusnya membantutkan sebarang usaha bagi membanteras penyakit ini. Oleh yang demikian, maklumat terperinci mengenai penyakit ini perlu disampaikan kepada masyarakat melalui apa jua saluran yang ada dan mereka perlu lebih peka dan bersedia menerima ilmu dengan fikiran yang terbuka. Hal ini sangat penting agar masyarakat dapat mengubah corak kehidupan mereka yang berisiko tinggi kepada cara hidup Islam yang lebih sejahtera.³⁶

Di Malaysia, pendidikan AIDS disembarkan kepada masyarakat sama ada secara formal mahupun tidak formal seperti melalui risalah, poster, media massa elektronik dan bercetak, ceramah-ceramah oleh badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan dan sebagainya. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia turut mengambil inisiatif memberi pendedahan mengenai penyakit AIDS kepada murid-murid di sekolah, kolej mahupun di institusi pendidikan tinggi. Antaranya ialah dengan mewujudkan sudut pencegahan dadah di sekolah-sekolah, menubuhkan kelab doktor muda di sekolah rendah dan kelab prostar di sekolah menengah. Di samping itu, pendidikan AIDS turut diselitkan dalam kursus-kursus perkahwinan dan Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN).³⁷

³⁶ Dzulkifli Abdul Razak (1990), *Aids meniti maut*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd, hlm 78-84.

³⁷ Temubual bersama En. Abd Rahim b Long, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan di Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri Melaka, pada 17 Disember 2007 jam 11.00 pagi.

Oleh yang demikian, jelas di sini bahawa pendidikan yang sempurna oleh ibu bapa sejak kecil dan ilmu pengetahuan mengenai penyakit AIDS ini merupakan langkah asas dan cara pencegahan paling berkesan untuk membanteras penyakit ini dari terus berleluasa dan mengancam nyawa manusia.

3.3- PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Seperti yang kita sedia maklum, seks rambang dan penagihan dadah antara punca utama penularan penyakit AIDS. Oleh itu, Islam telah menetapkan hukuman hudud ke atas penagih dadah, pesalah zina dan liwat sebagai salah satu langkah pencegahan dan pengawalan yang paling berkesan. Bagi penagih dadah, mereka akan dikenakan hukuman *hadd* peminum arak iaitu 80 kali sebatan.³⁸ Manakala bagi kesalahan zina, para ulama sepakat menyatakan hukuman *hadd* ke atas pezina yang sudah berkahwin ialah rejam sampai mati manakala bagi pezina yang belum berkahwin, akan disebat 100 kali.³⁹ Firman Allah SWT:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا

طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

“Pezina perempuan dan pezina lelaki, deralah masing-masing dari keduanya seratus kali, dan janganlah rasa belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama (hukum) Allah, jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sebahagian orang-orang yang beriman.”

al-Nūr (18):2

³⁸Wahbah al-Zuhaylī (1998) *al-Mas'ūliyyah al-Jinā'iyah li Maraḍ al-Jins*. Beirut: Dār al-Maktabī, hlm 16.

³⁹Aḥmad Muḥammad Kan'ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 522

Manakala bagi pesalah liwat, ulama berselisih pendapat mengenainya. Menurut mazhab Mālikī dan Ḥanbalī, mereka yang melakukan kesalahan liwat akan dikenakan hukuman rejam tidak kira sama ada pelaku sudah berkahwin atau belum berkahwin.⁴⁰

Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ

“Sekiranya kamu dapati mereka yang melakukan amalan kaum Lūt, maka hendaklah kamu membunuh sama ada yang melakukan atau yang kena laku.”⁴¹

Sebaliknya bagi mazhab Syāfī, mereka yang melakukan kesalahan liwat akan dikenakan hukuman rejam sampai mati bagi mereka yang sudah berkahwin manakala bagi mereka yang belum berkahwin, hukumannya ialah sebatan 100 kali dan buang daerah.⁴² Menurut mazhab Ḥanafī pula, pesalah liwat hanya akan dikenakan hukuman takzir kerana berpendapat liwat bukanlah zina.⁴³ Dalam hal ini, Dr. Wahbah al-Zuhaylī menyokong pendapat mazhab Mālikī dan Ḥanbalī kerana wujudnya dalil khusus tentang kesalahan liwat.⁴⁴

Penulis berpendapat hukuman *ḥadd* adalah alternatif terbaik untuk mengatasi masalah penularan wabak AIDS pada masa ini. Ini disokong dengan satu kajian yang dilaksanakan oleh Dr. Jamnul Azhar b Mulkan, graduan al-Azhar dalam bidang perubatan, bahawa hukuman sebatan sebanyak 100 kali ke atas pesakit AIDS yang berzina dan belum berkahwin, dapat merangsang penghasilan semula antibodi sel-sel T4 limfosit dua kali ganda jumlahnya daripada virus HIV dalam badan pesakit sehingga dapat memusnahkan virus tersebut. Manakala bagi pesakit AIDS yang sudah

⁴⁰ Wahbah al-Zuhaylī (1998), *op.cit.* ; Paizah Haji Ismail (1996), *Undang-undang Jenayah Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Islam, hlm 176-177.

⁴¹ Abī al-Ḥasan al-Ḥanafī; (2000), *op.cit.*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Man ‘Amila ‘Amala Qawmi Lūt , no. hadis 2561, j. 3, c. 3. Beirut : Dār al-Ma’rifah, hlm 229.

⁴² Wahbah al-Zuhaylī (1998), *op.cit.*

⁴³ *Ibid.*, hlm 17; Paizah Haji Ismail (1996), *op.cit.*, hlm 177.

⁴⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1998), *op.cit.*

berkahwin, sel-sel T4 mereka lebih lemah berbanding dengan sel-sel T4 kepunyaan mereka yang belum berkahwin. Kelemahan ini berpunca daripada sum-sum tulang yang mengalami sedikit hakisan dan kurang menghasilkan antibodi kerana lebih banyak ditumpukan ke arah menghasilkan benih-benih bagi tujuan menghasilkan sperma-sperma baru. Pezina jenis ini tidak akan dapat diselamatkan daripada virus HIV dan rejam sehingga mati adalah merupakan penyelesaian terbaik bagi mengelakkan jangkitan dan penyebaran penyakit di samping memberikan pengajaran kepada orang lain supaya takut melakukan kesalahan yang sama.⁴⁵

Selain itu, Islam juga melarang seseorang muslim daripada menyakiti orang Islam yang lain termasuklah memindahkan virus HIV kepada orang lain. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا



“ Dan orang-orang yang menyakiti orang-orang yang mukmin dan mukminat tanpa kesalahan yang mereka perbuat, maka sesungguhnya mereka telah memikul kebohongan dan dosa yang nyata.”

al- Aḥzāb(22): 58

Menurut perundangan Islam, orang yang sengaja memindahkan virus HIV kepada orang lain dianggap telah membunuh dengan sengaja dan akan dikenakan hukuman berikut iaitu:

1-Hukuman Qisas

2-Membayar diat dalam keadaan gugurnya qisas.⁴⁶

⁴⁵ Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir,

http://www.pmr.am.org/index.php?option=com_content&view=article&id=476:hikmah-perlaksanaan-hukum-hudud-menurut-al-quran-dan-sains&catid=7:ilmiah&Itemid=69, 16 Februari 2010.

⁴⁶ Ahmad Husnī Tāha (Dr)(2003), *al-Mas'ūliyyah al-Jinā'iyah al-Nasyi'ah 'an naqli 'adwā al-Aidz*. Qāhirah: Jāmi'ah al-Azhar, hlm 37-38.

3-Membayar kafarah menurut sebahagian fuqaha. Menurut Mazhab Syafi‘ī dan satu riwayat daripada Imam Ahmad, wajib ke atas pembunuh membayar kafarah jika dilakukan dengan sengaja. Manakala menurut Imam Mālik, sunat membayar kafarah untuk kesalahan membunuh jika gugur qisas daripada pembunuh.⁴⁷

Untuk kesalahan yang tidak disengajakan seperti melalui pemindahan darah di mana penderma tidak tahu dia telah dijangkiti virus HIV mahupun melalui hubungan seks suami isteri yang tidak mengetahui dirinya HIV positif, maka mereka akan dianggap seperti membunuh dengan tidak sengaja dan akan dikenakan hukuman berikut:

- 1-Membayar diat
- 2-Membayar kafarah
- 3-Berpuasa
- 4-Diharamkan daripada pusaka
- 5-Diharamkan daripada wasiat⁴⁸

Di Malaysia, pelbagai undang-undang telah digubal untuk mengawal penyebaran penyakit AIDS daripada terus mengancam nyawa manusia. Antaranya ialah:

- 1- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

Menurut seksyen 12 (2), menjadi satu kesalahan bagi orang yang memindahkan virus HIV kepada orang lain dan sesiapa yang melanggar seksyen 12(2) tersebut merupakan satu kesalahan seperti yang termaktub dalam seksyen 12(3). Bagi mereka yang melakukan kesalahan tersebut akan dikenakan hukuman seperti yang dinyatakan dalam seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu bagi kesalahan yang pertama, mereka akan dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi kesalahan kedua akan

⁴⁷ *Ibid*, hlm 43-44.

⁴⁸ *Ibid*, hlm 82-91.

dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan seterusnya akan dikenakan denda tidak melebihi RM200 setiap hari sepanjang kesalahan dilakukan. Terdapat juga peruntukan di bawah akta yang sama yang memperuntukkan pengasingan untuk orang yang dijangkiti HIV yang masih mengamalkan penagihan dadah secara suntikan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 14. Walaubagaimanapun, sehingga hari ini tidak ada sebarang dakwaan atau pengasingan dibuat berkaitan penyakit HIV samada seksyen 12 mahupun 14.

2- Kanun Kesiksaan Jenayah (1995)

Akta ini turut memperuntukkan hukuman penjara sehingga 6 bulan atau denda atau kedua-duanya sekali kepada sesiapa yang memindahkan penyakit berjangkit yang merbahaya kepada orang lain secara cuai seperti yang dinyatakan dalam seksyen 269. Hukuman juga turut dikenakan kepada sesiapa yang memindahkan penyakit berjangkit merbahaya dengan sengaja dan mempunyai niat tertentu seperti yang dinyatakan dalam seksyen 270 yang mengenakan hukuman penjara yang boleh sampai 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Selain itu, terdapat 2 seksyen di bawah bahagian “cedera” yang boleh digunakan untuk mereka yang memindahkan virus HIV kepada orang lain. Menurut seksyen 319, sesiapa yang menyebabkan kesakitan, penyakit atau kelemahan tubuh kepada seseorang, adalah dikatakan menyebabkan cedera. Manakala sesiapa yang melakukan sesuatu perbuatan dengan niat menyebabkan kecederaan kepada seseorang atau mengetahui perbuatannya itu akan menyebabkan kecederaan kepada seseorang, maka perbuatannya itu dianggap “dengan sengaja menyebabkan cedera” sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 321. Seksyen 323 pula memperuntukkan hukuman kepada sesiapa yang dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada orang lain dan akan dikenakan hukuman penjara sehingga satu tahun atau denda sehingga RM 2000.00 atau kedua-duanya sekali.

3- Akta Dadah Berbahaya 1952

Di samping itu, terdapat juga akta khusus yang diperuntukkan untuk menyekat sebarang penyalahgunaan dadah iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952. Seksyen 15 (a) memperuntukkan barangsiapa yang memberikan kepada dirinya sendiri atau menyiksa mana-mana orang lain bertentangan dengan peruntukan seksyen 14 dengan memberikannya mana-mana dadah berbahaya yang ditetapkan di bahagian 3 dan 4 jadual pertama atau dijumpai berada di mana-mana premis yang dikhaskan atau digunakan untuk mana-mana tujuan seperti yang ditetapkan dalam seksyen 13 supaya mana-mana dadah berbahaya tersebut boleh diberikan, atau dihisap atau dengan kaedah lain digunakan olehnya seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 15 (b) boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

4- Ujian Saringan HIV kepada bakal pengantin

Selain daripada akta, terdapat juga peraturan baru yang telah ditetapkan kepada semua bakal pengantin yang ingin berkahwin di Malaysia. Mereka dikehendaki terlebih dahulu menjalani ujian saringan HIV sebelum kebenaran berkahwin dikeluarkan oleh pejabat agama di daerah masing-masing. Tujuan utama ujian ini dilaksanakan ialah untuk menyekat dari merebaknya virus HIV kepada pasangan dan anak di samping dapat mencegah gejala sosial seperti penagihan dadah dan seks rambang.⁴⁹ Ia juga merupakan salah satu usaha dakwah secara halus kepada mereka yang terjerumus dalam maksiat, seterusnya mewujudkan masyarakat yang aman dan makmur.⁵⁰

Johor merupakan negeri pertama yang telah mewajibkan ujian saringan HIV kepada bakal pengantin yang ingin berkahwin. Pada 1 November 2001, Lujnah Fatwa Johor telah bermesyuarat dan membuat keputusan bahawa semua orang Islam yang

⁴⁹ Azman Hj.Mohd Nawi(2007), 'Ujian HIV merebak ke seluruh negara'. *Majalah Milenia*, Bil 56, April, hlm 15.

⁵⁰ *Ibid*, hlm 26.

hendak memohon kebenaran bernikah atau melangsungkan perkahwinan atau mendaftarkan pernikahan di negeri Johor diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan.⁵¹ Usaha ini telah diikuti oleh beberapa negeri yang lain seperti Melaka, Selangor, Perak, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Manakala Sabah dan Pahang tidak mewajibkan ujian itu sebaliknya memberi pilihan kepada bakal pengantin sama ada untuk melakukannya atau tidak dan Sarawak masih belum membuat sebarang tindakan.⁵² Walau bagaimanapun, kerajaan Pusat telah memutuskan untuk menguatkuasakan peraturan yang mewajibkan bakal pengantin yang beragama Islam menjalani ujian saringan HIV ketika mengikuti kursus pra perkahwinan mulai tahun 2009 di semua negeri di Semenanjung Malaysia⁵³ (Lihat Lampiran F).

Menurut Buku Panduan Ujian Bakal Pengantin yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Johor dan Jabatan Kesihatan Johor, ujian perlu dilakukan dua atau tiga bulan sebelum hari pernikahan dan ujian ini sah digunakan untuk tempoh enam bulan dari tarikh ujian dilakukan. Jika keputusan ujian adalah 'tidak reaktif', proses pernikahan akan berjalan seperti biasa. Sebaliknya jika keputusan ujian adalah 'reaktif', ini bermakna bakal pengantin disyaki mempunyai antibodi terhadap virus HIV. Oleh itu, ujian pengesahan HIV perlu dilakukan dan 'kaunseling sebelum ujian' perlu diberi kepada bakal pengantin. Sekiranya keputusan ujian adalah negatif, proses permohonan pernikahan akan diteruskan manakala jika keputusan ujian adalah positif HIV, bakal pengantin akan melalui satu sesi kaunseling. Dalam sesi kaunseling tersebut, bakal pengantin akan didedahkan berkaitan virus HIV dan kemudaratan yang akan dialami kepada kehidupannya serta pasangannya. Sekiranya perlu, kaunselor akan menerangkan perkara tersebut kepada bakal pasangannya atau kepada keluarganya. Jika bakal pengantin ingin meneruskan juga pernikahan, maka proses permohonan pernikahan

⁵¹ *Ibid*, hlm 16-17; Jabatan Agama Islam Johor, <http://www.johordt.gov.my/mufti/> 20 Januari 2008.

⁵² Salawati Haris (2007), 'JAIN sambut baik Ujian'. *Majalah Milenia*, Bil 56, April, hlm 18.

⁵³ Azman Zakaria (2008), 'Ujian HIV wajib 2009'. *Berita Harian*. 19 Disember, hlm 1-2.

akan dilakukan seperti langkah biasa. Namun, sekiranya bakal pengantin berniat membatalkan pernikahan, maka kaunselor akan memberikan beberapa nasihat dan menamatkan sesi.⁵⁴

Walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang menentang pelaksanaan ujian HIV kepada bakal pengantin yang ingin berkahwin kerana menganggap ia telah menghalang hak asasi individu, namun usaha yang dilakukan oleh negeri Johor dan negeri-negeri lain yang mewajibkan ke atas setiap pasangan yang ingin berkahwin menjalani ujian HIV merupakan satu tindakan yang wajar dan tidak menyalahi perundangan Islam serta bertepatan dengan ajaran Islam serta dalil-dalil syarak seperti al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad. Hal ini telah dijelaskan oleh En.Azman Abdul Rahman, pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Menurut beliau, ujian HIV ke atas bakal pengantin merupakan salah satu langkah untuk mengelak daripada berlakunya penganiayaan kepada pihak yang tidak bersalah.⁵⁵

Tambahan pula, para mufti di seluruh negara bersepakat menyatakan bahawa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin adalah wajar dilakukan. Menurut Datuk Seri Dr Harussani Zakaria, Mufti negeri Perak, ujian tersebut dilihat dapat memelihara manusia daripada terdedah kepada kemudaratan yang membawa kepada kemusnahan. Beliau turut menegaskan, pensyaran ujian itu bukan sebagai menambah prasyarat untuk berkahwin dan sama sekali menghalang sesuatu perkahwinan dijalankan. Hujah ini telah dikuatkan lagi oleh Mufti Kedah, Datuk Paduka Syeikh Hasbullah Haji Abd Halim yang mengatakan ujian itu tidak akan menentukan sah atau tidak sesuatu perkahwinan yang dijalankan. Justeru itu, nyatalah bahawa seseorang itu perlu menentukan status pasangannya sama ada status agama, akhlak ataupun kesihatan sebelum menjalankan upacara perkahwinan.⁵⁶ Dengan pemilihan bakal pasangan yang tepat, langkah pemeliharaan keturunan dapat dilakukan

⁵⁴ Azman Hj.Mohd Nawi (2007), *op.cit*, hlm 6-17.

⁵⁵ Azman Hj.Mohd Nawi (2007), 'Gagal Isytihar Status Kesihatan Jejas Zuriat'. *op.cit.*, hlm 22.

⁵⁶ Azman Hj.Mohd Nawi(2007), 'Mufti Capai Kata Sepakat'. *ibid*, hlm 29.

agar usaha untuk menjamin bakal pewaris yang kuat dan tidak berpenyakit dapat diperkukuhkan lagi. Ini bertepatan dengan perintah Allah SWT supaya manusia takut akan kemungkinan meninggalkan zuriat yang lemah yang akan menimbulkan masalah kepada masyarakat dan negara sebagaimana firmanNya dalam surah al-Nisā', ayat 9:

وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ
وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

“ Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan dibelakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu, hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar.”

al-Nisā'(4): 9

Selain itu, kaedah-kaedah fiqh juga merupakan sebahagian dalil yang kuat untuk menjelaskan tentang keharusan ujian tersebut⁵⁷.Antaranya ialah:

1- لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

‘Tidak ada mudarat dan tiada yang memudaratkan’

2- دَرءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

‘Menolak segala yang membawa kerosakan lebih utama daripada mendapat kebaikan’

3- يَخْتَارُ أَهْوَنُ الشَّرِّينِ أَوْ أَحْفُ الضَّرَرَيْنِ

‘Dipilih keburukan yang paling minimum atau yang paling sedikit’

4- مَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

‘Sesuatu yang menyebabkan tidak sempurna kewajipan kecuali dengan sesuatu perkara, maka perkara itu menjadi wajib.’

⁵⁷Azman Hj.Mohd Nawi (2007), ‘Gagal Isytihar Status Kesihatan Jejas Zuriat’, *op.cit*, hlm.23; Hj.Hasan b Hj.Salleh (1995), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*.Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd., hlm 77-88.

Walaupun bagaimanapun, penguatkuasaan peraturan mewajibkan ujian HIV ke atas bakal pengantin di negeri Johor tidak diwartakan dan lebih bersifat sebagai suatu prosedur yang perlu dilalui oleh pengantin untuk mendapatkan kebenaran berkahwin di negeri Johor dan tidak ada sebarang peruntukan dalam enakmen yang menyentuh secara langsung berkenaan ujian ini. Justeru, fatwa ini tidak mempunyai implikasi dari sudut undang-undang. Dengan kata lain, fatwa yang mewajibkan ujian ini hanya dianggap sekadar fatwa yang tidak mengikat rakyat untuk mematuhiya dan tidak ada sebarang kesalahan boleh disabitkan sekiranya mengingkari fatwa ini.⁵⁸

Namun, keengganan mereka untuk menjalani ujian HIV akan mengakibatkan mereka gagal untuk mendapatkan kebenaran bernikah daripada pendaftar nikah seperti yang terkandung dalam seksyen 7(1), 16(1) dan 16(3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 2003. Kegagalan memenuhi prosedur sebelum perkahwinan akan menyebabkan sesuatu pernikahan itu tidak dijalankan. Perkahwinan yang tidak mendapat kebenaran untuk dilangsungkan, tidak boleh didaftarkan di sesebuah negeri terbabit. Perkahwinan yang tidak didaftarkan adalah dianggap tidak diiktiraf dan mempunyai implikasi yang besar dari sudut pembahagian harta pusaka, pengiktirafan dan sebagainya.⁵⁹

5- Perceraian secara Fasakh

Selain itu, terdapat juga peruntukan undang-undang yang membenarkan pasangan yang telah berkahwin memohon perceraian secara fasakh jika salah satu pasangan menghidap penyakit AIDS. Terdapat 3 negeri yang memperuntukkan secara khusus permohonan perceraian secara fasakh boleh dibuat oleh isteri jika suami menghidap sindrom kekurangan daya tahan badan (AIDS) iaitu negeri Perlis⁶⁰, Sabah⁶¹

⁵⁸ Azman Ab Rahman et.al, (2007), *op.cit.* hlm. 57-59

⁵⁹ *Ibid*, hlm 60-61

⁶⁰ Sek 52(1)(f) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam 1991(Perlis), 4/1992

⁶¹ Sek 53(1)(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1992 (Sabah), 15/1992

dan Sarawak.⁶² Walaupun negeri-negeri lain tidak menyatakan secara khusus mengenai penyakit AIDS, namun isteri masih boleh memohon fasakh jika suami menghidap AIDS kerana penyakit AIDS ditafsirkan sebagai salah satu daripada penyakit kelamin yang boleh berjangkit, malah lebih merbahaya daripada penyakit kusta.⁶³ Ia diperkuatkan lagi dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 23 Mac 1995 yang membenarkan seseorang isteri memohon fasakh daripada suami yang menghidap penyakit AIDS atau penagih dadah dengan perakuan dari pakar perubatan yang adil. Fatwa ini juga berkuatkuasa di semua negeri di Malaysia.⁶⁴

Secara kesimpulannya, manusia tidak boleh dipisahkan daripada undang-undang untuk mengawal dan mentadbir perjalanan hidup manusia di dunia ini. Dengan adanya peruntukan undang-undang berkaitan penyakit AIDS digubal serta dikuatkuasakan, maka kita secara langsung atau tidak langsung dapat mengawal penyebaran penyakit AIDS dari terus mengancam nyawa manusia terutamanya mereka yang tidak berdosa. Pelbagai usaha ke arah melahirkan masyarakat yang sihat melalui peruntukan undang-undang harus disokong sepenuhnya agar kita dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan kuat dari segi rohani dan jasmani untuk kemaslahatan ummah di dunia dan di akhirat.

⁶² Sek 51(1)(f) Ordinan Undang-undang Keluarga Islam 2001(Sarawak), 43/2001

⁶³ Sek 53(1)(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003,(17/2003), Sek 53 (1)(f) Enakmen Keluarga Islam 2002 (Negeri Melaka) (12/2002), Sek 53(1)(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005(Pahang),(3/2005), Sek 53(1)(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (N.Selangor) 2003, (13/2003), Sek 44 (iv) Enakmen Keluarga Islam 1979(Kedah), (1/1984), Sek 53(1)(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam N.Sembilan 2003, (11/2003), Sek 49(1)(f) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985, (Terengganu)(12/1985), Sek 53(1)(f) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 (6/2002), Sek 53(1)(f)-Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, (5/2004), Sek 53(1)(f) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perak) 2004 (6/2004), Sek 52(1)(f) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (303/1984).

⁶⁴ Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia(INFAD),<http://infad.usim.edu.my/>, 4 Februari 2008.

3.4- KAEDAH PERUBATAN

Menurut *Mawsū‘ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*, rawatan bermaksud mengambil ubat untuk mengubati penyakit ataupun untuk mencegahnya.⁶⁵ Walaupun kesemua perkara ditentukan oleh Allah SWT, umat Islam digalakkan berikhtiar dengan pelbagai cara termasuk mencari ubat untuk merawat penyakit yang dihadapi dan tidak hanya menyerah kepada nasib dan takdir kerana ia tidak bercanggah dengan konsep tawakal.⁶⁶

Firman Allah SWT :

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا

خَسَارًا

“Dan kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.”

al-Isrā’ (15) :82

Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW berubat dan baginda juga menyuruh umatnya agar turut berbuat demikian sekiranya dirinya, keluarga dan taulan ditimpa penyakit. Nabi SAW bersabda :⁶⁷

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا وَلَا تَتَدَاوُوا بِالْحَرَامِ.

“Sesungguhnya Allah SWT menurunkan penyakit dan ubat, dan Dialah yang menjadikan setiap penyakit ada ubatnya, maka hendaklah kamu berubat dan janganlah kamu berubat dengan benda yang haram.”

Majlis Majma’ Fiqh Islāmī pada persidangannya yang ketujuh di Jeddah pada 12-17 Zulkaedah 1412 Hijrah bersamaan dengan 9-14 Mei 1992 telah mengeluarkan

⁶⁵ Ahmad Muhammad Kan’ān (Dr) (2000), *op.cit.*, hlm 193.

⁶⁶ Danial Zainal Abidin (Dr) (2002), *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*.PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd: Pahang Darul Makmur, hlm 10.

⁶⁷ Abī ‘Abd al-Rahman Syarif al-Ḥaq (2000), *‘Awn al-Ma‘būd Syarḥ Sunan Abī Dawūd*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb fī al-Adwiyah al-Makrūhah, no. hadis 3866. j 10. Beirut : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī., hlm 198.

ketetapan no 68/5/7 yang menjelaskan keharusan berubat atau merawat seperti berikut “Asal pada hukum merawat atau berubat adalah disyariatkan kerana adanya dalil dari al-Quran dan hadis. Ini kerana dengan berubat dapat menjaga nyawa dan ia merupakan salah satu *Maqāsid Syar‘iyyah* (Objektif Syariah)”⁶⁸

Di samping itu, umat Islam digalakkan mengkaji dan menyelidik bagi memastikan cara yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu perkara termasuklah dalam mencari penawar untuk penyakit AIDS. Walaubagaimanapun, sehingga hari ini, masih belum ditemui sebarang ubat yang dapat menyembuhkan penyakit AIDS.⁶⁹ Namun, dengan kepakaran dan perkembangan teknologi perubatan, ia telah memberi sinar baru kepada pembawa HIV dan membolehkan mereka menjalani kehidupan seperti insan normal yang lain biarpun tidak boleh dipulihkan sepenuhnya. Di Malaysia, program rawatan boleh didapati di semua hospital yang dikelolakan Bahagian Perubatan dan Cawangan AIDS/STD, Jabatan Kesihatan Awam, KKM.⁷⁰ Terdapat beberapa rawatan yang diberikan kepada pesakit AIDS yang bertujuan untuk mengurangkan rebakan jangkitan, meningkatkan tahap kesihatan, memanjangkan jangka hayat serta meningkatkan produktiviti pesakit AIDS. Rawatan yang diberikan kepada pesakit AIDS terbahagi kepada 2 jenis iaitu:

1- Rawatan Profilaktik

Rawatan profilaktik merupakan rawatan awal yang diberikan kepada pesakit AIDS untuk mencegah jangkitan oportunistik seperti *Pneumocystis Carini* Pneumonia (PCP), Tuberculosis (TB), Kandidiasis dan lain-lain.

2-Rawatan Anti Retroviral

Selain rawatan profilaktik, rawatan khusus yang juga dikenal pasti sebagai rawatan anti retroviral (ARV) diberikan kepada pesakit AIDS di negara ini. Mengikut

⁶⁸ Ahmad Muhammad Kan‘ān (Dr) (2000), *op.cit*, hlm 194.

⁶⁹ Temubual bersama Dr.Mohammad Faiz b Abd Rashid, Ketua Penolong Pengarah (Aids/Kpas) di Jabatan Kesihatan Seremban, pada 15 Oktober 2004, jam 9.00 pagi.

⁷⁰ Dr Mohd Nasir(2007), ‘Awat...AIDS Tidak Kenal Mangsa’. *Majalah i-Sihat*, September, hlm.7.

garis panduan semasa, semua pesakit HIV layak menerima rawatan ini tetapi pemberian rawatan masih lagi mengikut kesesuaian yang ditentukan oleh pakar perubatan.

Jenis rawatan ARV di Negara ini ialah:

- Monoterapi

Rawatan ini hanya menggunakan satu jenis ubat, biasanya AZT. Ubat ini diberikan kepada ibu mengandung sahaja.⁷¹ Penggunaan ubat ini dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV daripada ibu yang HIV positif kepada anak dalam kandungan.⁷² Ubat ini juga tidak dapat menyembuhkan penyakit AIDS, tetapi sekadar mereda dan melambatkan pengaruh HIV ke atas individu. Secara tidak langsung AZT dapat mengembalikan serba sedikit ketahanan tubuh badan terhadap serangan AIDS dan penyakit lain.⁷³

- HAART (Highly Active Anti-Retroviral Treatment)

Sebelum memulakan rawatan HAART, ujian CD4 dijalankan untuk menentukan bila rawatan HAART boleh dimulakan. Pesakit AIDS akan dianggap mempunyai bilangan CD4 yang normal jika melebihi 200sel/mm³ darah. CD4 di bawah 200 sel/mm³, menunjukkan rawatan HAART diperlukan.⁷⁴ Di Malaysia, terdapat beberapa kumpulan ubat HAART yang mempunyai fungsinya yang berlainan iaitu:

1-Nucleoside reverse transcriptase inhibitors (NRTI)

2-Protease Inhibitors (PI)

3-Non-nucleoside reverse transcriptase inhibitors (NNRTI)⁷⁵

Dari segi cara pemakanan, doktor akan memilih 3 atau 4 jenis ubat HAART yang digabungkan dan dimakan sekaligus. Pemilihan ubat dibuat atas banyak faktor.⁷⁶

⁷¹ Rawatan untuk Pesakit AIDS(2008).Kementerian Kesihatan Malaysia,hlm 3; Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*, pada 7 September 2004, jam 9.00 pagi, Dzulkifli Abd Razak, *op.cit*, hlm 51.

⁷² Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid, *op.cit*.

⁷³ Dzulkifli Abd Razak, *op.cit*, hlm 52

⁷⁴ *Informasi HIV/AIDS* (2008), Kementerian Kesihatan Malaysia, hlm 10.

⁷⁵ Temubual bersama Dr.Mohammad Faid b Abd Rashid , *op.cit.*, pada 15Oktober 2004, jam 9.00 pagi; Dr Mohd Nasir, *op.cit*, hlm.7.; A Very Important Four Letter Word (2007) .*'Majalah Health & Beauty'*, Disember , hlm. 36.

Ia diberi secara percuma oleh kerajaan untuk merawat pesakit AIDS di Malaysia pada tahun 2006 apabila kos ubat ini semakin menurun. Jika dahulu kosnya sebulan mencecah RM1000-RM15000 manakala kini menurun kepada RM100-RM200 sebulan. Tambahan pula, di Malaysia sudah ada ubat hasil gabungan 3 jenis HAART menjadi 1 biji pil untuk memudahkan pesakit mengambil ubat di samping dapat menjimatkan kos. Ubat ini didapati sangat berkesan hingga apabila pesakit menggunakannya, virus HIV dalam badan pesakit tidak dapat dikesan jika bilangan virus dalam darah kurang daripada 50 *copies* per mil melalui ujian darah. Apabila virus rendah, sistem imunisasi dalam badan akan lebih terjamin dan pesakit tidak mudah mendapat jangkitan penyakit lain. Namun, ubat ini tidak dapat menyembuhkan HIV sepenuhnya.

Selain itu, pesakit juga hendaklah mengambil ubat secara berterusan mengikut dos yang telah ditetapkan. Keadaan pesakit akan bertambah teruk jika pesakit terlupa untuk mengambil ubat walau satu dos pun. Oleh sebab itulah, ubat yang diberi disesuaikan dengan gaya hidup pesakit dan pesakit perlu berjumpa dengan jururawat kaunselor sebelum memulakan rawatan.⁷⁷

Rawatan turut diberikan kepada ibu hamil yang telah disahkan HIV positif untuk mengurangkan risiko anak dalam kandungan dijangkiti virus HIV. Penjagaan untuk ibu hamil yang HIV positif merangkumi 3 peringkat iaitu semasa hamil, semasa kelahiran dan selepas kelahiran. Semasa hamil, ibu yang disahkan HIV positif perlu segera membuat pemeriksaan doktor dan mendapatkan khidmat kaunseling. Ibu hendaklah makan ubat seperti yang dinasihatkan oleh doktor bagi mengurangkan risiko anak dalam kandungan daripada dijangkiti virus HIV. Pengalaman di negara ini menunjukkan risiko jangkitan dapat dikurangkan daripada 30% ke 5% dengan

⁷⁶ Temubual bersama Dr.Mohammad Faiz b Abd Rashid , *op.cit.*

⁷⁷ Dr. Christopher Lee Kwok Choong (2007), 'Pembawa HIV Boleh Jalani Kehidupan Normal'. *Majalah i-Sihat*, Disember, hlm 8-9.

mengambil rawatan.⁷⁸ Ibu yang mengandung juga dinasihatkan melahirkan anak secara pembedahan ceasarian apabila kandungan mencapai 38 minggu bagi mengurangkan pendedahan bayi kepada darah serta cecair badan ibu yang HIV positif.⁷⁹ Selepas kelahiran pula, pakar perubatan akan menentukan tahap jangkitan dan menentukan apakah rawatan HAART berpanjangan perlu diambil. Ibu juga perlu memastikan anak mendapat rawatan profilaktik sirap AZT selama 6 minggu.⁸⁰ Selain itu, ibu hendaklah memastikan anak menjalani ujian PCR (Polymerase Chain Reaction) untuk menentukan status jangkitan. Jika anak dijangkiti, rawatan HAART akan dimulakan.⁸¹

Selain rawatan perubatan, terapi kaunseling yang merupakan rawatan bukan farmakologi adalah antara cara yang paling berkesan untuk membina keyakinan diri dan membantu mereka menjalani kehidupan seperti orang lain yang normal. Perkhidmatan kaunseling akan dilaksanakan oleh jururawat kaunselor sebelum pemeriksaan saringan HIV dan selepas pesakit disahkan mempunyai HIV positif. Kaunseling kepada pasangan mereka seperti suami, isteri atau pasangan homoseksual sebelum ujian HIV dilakukan.⁸²

Di samping itu, kaunseling rawatan juga akan diberikan iaitu sebelum pesakit memulakan rawatan dan selepas memulakan rawatan HAART. Contohnya, sebelum pesakit memulakan rawatan, perbincangan bersama jururawat kaunselor diadakan untuk menentukan masa pengambilan ubat yang sesuai supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan gaya hidup dan masa yang sesuai untuk makan ubat. Kaunseling turut diberikan kepada ahli keluarga pesakit agar sentiasa memberi sokongan untuk pesakit AIDS meneruskan kehidupan seperti insan yang lain.⁸³

⁷⁸ *Informasi HIV/AIDS* (2008), Kementerian Kesihatan Malaysia, hlm.12; *Rawatan untuk Pesakit AIDS*(2008). Kementerian Kesihatan Malaysia, hlm. 3; Temubual bersama Dr.Mohammad Faiz b Abd Rashid, *op.cit*, pada 7 September 2004, jam 9.00 pagi.

⁷⁹ Dr. Christopher Lee Kwok Choong, *op.cit*, hlm. 9, *Informasi HIV/AIDS* (2008), *op.cit.*, hlm.13.

⁸⁰ Dalia Ismail (2007), 'Tidak Semua Kelahiran akan dijangkiti HIV'. *Majalah Milenia*, Bil 56, April, hlm 25.

⁸¹ *Informasi HIV/AIDS* (2008),*op.cit.*, hlm.13.

⁸² Dr. Christopher Lee Kwok Choong, *op.cit*, hlm. 6-7 ; Dr.Mohd Nasir, *op.cit*.

⁸³ *Ibid*, hlm.7-8.

Selain kaunseling terapi, pemakanan yang sihat dapat membantu pesakit AIDS mengekalkan kesihatan mereka dengan memberikan perlindungan daripada komplikasi jangkitan berkaitan HIV. Pengambilan makanan berkalori tinggi bersama protein dan karbohidrat yang cukup boleh mempertahankan diri dari kekurangan zat makanan, malserapan nutrien, penurunan sistem imun dan susut badan. Tambahan pula, pemakanan yang baik akan membantu mengurangkan kesan buruk dadah dan juga meningkatkan kebolehan tubuh untuk menyerap ubat-ubat tertentu.⁸⁴

Walaupun ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat penyakit AIDS mampu memanjangkan jangka hayat seseorang penyakit dan membolehkan pesakit menikmati kehidupan yang lebih sihat, manusia tidak dapat menjamin wabak itu daripada terus berleluasa. Justeru itu, perubatan dalam Islam tidak hanya menekankan pengubatan penyakit-penyakit fizikal semata-mata sebaliknya ia lebih mementingkan pengubatan jiwa manusia. Apabila pengubatan kedua-duanya dapat dilakukan secara serentak, ia merupakan pendekatan yang terbaik. Penekanan yang tertumpu kepada aspek pengubatan fizikal semata-mata akan melahirkan suatu generasi yang sihat zahirnya tetapi rosak jiwanya dan pemikirannya. Generasi yang tidak seimbang ini akan menyalahgunakan kesihatan untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT, seterusnya akan melahirkan lebih banyak wabak-wabak baru yang terus mengancam nyawa manusia sejagat.⁸⁵

⁸⁴ *Ibid*, hlm 7.

⁸⁵ Danial Zainal Abidin (Dr) (2002), *op.cit*, hlm 7.

3.5- PERANAN PEMERINTAH DAN ULAMA

AIDS adalah epidemik universal yang telah membawa kesengsaraan kepada berjuta-juta manusia tanpa mengira etnik, kelas sosial dan orientasi gender. Implikasinya juga bukan setakat individu, keluarga dan masyarakat, bahkan yang lebih besarnya adalah terhadap negara. Masalah ini merupakan ancaman kepada masa depan generasi dan negara kita yang memerlukan langkah pencegahan dari pelbagai pihak khususnya pemerintah, badan-badan kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Justeru itu, para pemimpin bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan apa jua bentuk pencegahan dan bantuan untuk memerangi AIDS di peringkat akar umbinya lagi. Sabda Nabi Muhammad SAW:⁸⁶

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

“Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab atas apa yang kamu pimpin.”

Prinsip ‘*siyāṣah syar‘iyyah*’ boleh digunakan oleh pemimpin Islam untuk memperkenalkan langkah berfaedah (*maṣlaḥah*) yang dianggap sesuai dengan matlamat mengelak atau mencegah daripada bahaya tertentu selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip undang-undang yang ada.⁸⁷

Di samping itu, para pemimpin harus memastikan matlamat undang-undang Islam dipelihara dalam usaha merangka peraturan dan undang-undang berhubung dengan penjagaan pesakit-pesakit AIDS seperti mana yang dinyatakan oleh Imam al-Shāṭibī iaitu pemeliharaan akidah, pemeliharaan minda, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan keturunan, pemeliharaan harga diri dan pemeliharaan harta.⁸⁸

⁸⁶ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (1997), *op.cit*, Kitāb al-Jum’atu , Bāb al-Jum’atu fī al-Qurā wa al-Mudun, no. hadis 893. j 2, hlm 488.

⁸⁷ Dato’ Ismail Hj.Ibrahim(Dr) et.al (2003), *op.cit*, hlm.9

⁸⁸ *Ibid*, hlm 8-9

Untuk tujuan tersebut, para pemimpin harus mempunyai ilmu pengetahuan mengenai penyakit AIDS supaya mereka boleh menjadi pendidik masyarakat.⁸⁹ Ini menjadikan mereka terlibat secara aktif dalam pengurusan penyakit yang berbahaya ini dan tidak sekadar memandangi dari jauh. Pemimpin juga harus menjadi contoh teladan (*role model*) kepada masyarakat dalam usaha menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran untuk mewujudkan *bi'ah* solehah dan melahirkan sebuah masyarakat yang bertaqwa.⁹⁰ Sabda Nabi Muhammad SAW:⁹¹

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

“Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah mencegahnya dengan tangan(kuasa). Dan jika tidak mampu(untuk mencegahnya dengan tangan), maka cegahlah pula dengan lidahnya (nasihat atau teguran), Dan jika tidak mampu juga mencegahnya dengan lidah (nasihat dan teguran), maka ingkarilah kemungkaran itu dengan hati dan itulah selemah-lemah iman.”

Para pemimpin juga perlu berganding bahu bersama pemimpin agama di setiap peringkat dan bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan untuk sama-sama menyumbang idea dan tenaga dalam membanteras penyakit ini. Contohnya menghidupkan semula peranan masjid yang berfungsi bukan sahaja sebagai tempat ibadat, tetapi sebagai pusat pendidikan, kegiatan sosial dan lain-lain lagi.⁹²

Ini telah dibuktikan oleh langkah Pertubuhan Perubatan Islam Uganda (IMAU) yang telah menggerakkan pemimpin tertinggi Islam yang terdiri daripada Mufti dan Kadi Daerah, sehingga berlakunya perisytiharan jihad terhadap AIDS oleh mufti

⁸⁹ Kertas Kerja, Konsultasi Ke-2 Pemimpin Islam Antarabangsa mengenai HIV/AIDS di Kuala Lumpur, 19-23 Mei 2003), hlm. 65.

⁹⁰H.M.Khoirun Su'aib (Dr) (2003), 'Peranan Masjid dan Pemimpin Islam dalam Mencegah dan Menanggulangi HIV/AIDS', (Kertas Kerja, Konsultasi Ke-2 Pemimpin Islam Antarabangsa mengenai HIV/AIDS di Kuala Lumpur, 19-23 Mei 2003), hlm. 12-13.

⁹¹Muhy al-Dīn al-Nawawī (1999) *op.cit.*, Kitāb al-ʿImān, Bāb Bayānu Kawni al-Nahy ʿAn al-Munkar, no. hadis 175. j 2. Beirut : Dār al-Maʿrifah, hlm 211.

⁹² H.M.Khoirun Su'aib (Dr) (2003), *op.cit.*, hlm 5-7.

Uganda pada tahun 1989. Pada tahun 1992, IMAU telah merangka pula projek bertajuk ‘Pendidikan dan Pencegahan AIDS Keluarga melalui Imam’ agar maklumat mengenai AIDS sampai kepada setiap individu dan keluarga. Lebih 850 imam dan kira-kira 6800 pembantu dilatih untuk melaksanakan kerja-kerja mendidik ahli masyarakat untuk memerangi AIDS.⁹³ Hasilnya, kadar jangkitan HIV bagi orang dewasa di Uganda telah menurun daripada 8.3 % pada tahun 1999 kepada 5 % pada tahun 2002.⁹⁴

Di Malaysia, kerajaan telah melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan 2006-2010 (NSP) sebagai tindak balas bagi memerangi penyakit AIDS di Malaysia. Menerusi NSP, kerjasama dalam mencegah, menjaga serta memberi sokongan untuk mengawal epidemik ini turut dirancang antara kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGOs). Terdapat 6 strategi utama yang telah dirangka melalui pelan ini. Strategi pertama yang dirancang mempunyai kaitan dengan aspek pengukuhan kepimpinan serta sokongan dalam mengekang penularan AIDS dan ia melibatkan agensi kerajaan, NGOs, sektor swasta, sektor perniagaan, ketua politik, agama dan masyarakat. Antara aktiviti utama strategi ini ialah meletakkan AIDS sebagai agenda utama kerajaan serta memaksimumkan peluang pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan.

Strategi kedua NSP pula dipikul sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menumpukan kepada aspek latihan dan peningkatan kapasiti. Sementara itu, strategi ketiga NSP pula lebih menumpukan kepada mengurangkan risiko jangkitan HIV di kalangan penagih dadah yang menggunakan jarum dan pasangan mereka. Strategi ini melibatkan Agensi Antidadah Kebangsaan(AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara, NGOs, Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia sendiri. Menerusinya, program-program seperti

⁹³ Sheikh Abdul Magid Mbago (2003), ‘Peranan Pemimpin Islam dalam memerangi AIDS: Pengalaman dari Masjid Raayat Uganda’, (Kertas Kerja, Konsultasi Ke-2 Pemimpin Islam Antarabangsa mengenai HIV/AIDS di Kuala Lumpur, 19-23 Mei 2003), hlm. 1-7.

⁹⁴ Kertas Kerja, Konsultasi Ke-2 Pemimpin Islam Antarabangsa mengenai HIV/AIDS di Kuala Lumpur, 19-23 Mei 2003), hlm. 64

Program Pertukaran Jarum Suntikan (NSEP) dan Terapi Gantian Methadone (MRT) dibuat berdasarkan perundangan yang telah digubal bagi mengurangkan risiko jangkitan.

Strategi keempat pula dirangka untuk mengurangkan jangkitan di kalangan wanita, kanak-kanak dan orang muda melalui aktiviti berunsur keagamaan, aktiviti bersifat kewanitaan, program saringan HIV sebelum perkahwinan dan pendidikan seks di sekolah. Strategi ini merangkumi Proram Sihat Tanpa Dadah (PROSTAR) selain meningkatkan penyaluran informasi di Pusat Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Belia 4B, universiti, jabatan polis dan tentera serta pusat kegiatan masyarakat yang lain. Manakala dalam strategi kelima NSP, Kementerian Sumber Manusia, NGOs, Jabatan Imigresen serta organisasi golongan muda akan berganding bahu menjalankan *outreach* yang lebih berkesan, rawatan antiretroviral (ARV) dan program kemasyarakatan di samping program saringan HIV bagi pekerja asing. Sementara strategi terakhir NSP memberi fokus terhadap meningkatkan kemudahan pencegahan, rawatan, penjagaan serta sokongan terhadap penghidap AIDS.⁹⁵

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kerjasama yang padu antara semua pihak amat penting untuk merealisasikan keberkesanan apa jua langkah yang diambil bagi menangani penularan wabak AIDS di seluruh dunia.

⁹⁵ Ministry of Health Malaysia (2006). *National Strategic Plan On HIV/AIDS 2006-2010*, hlm. 9-13.